

Kempen Perolehan Kad Kredit

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Perolehan Kad Kredit” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) bermula pada **1 Julai 2019** pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada **31 Mar 2020** pukul 23:59:59 jam (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu atau dinyatakan sebaliknya di sini.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (T&S):-

KELAYAKAN KEMPEN

1. Kempen ini terbuka kepada Pemegang Kad Kredit Utama dan Tambahan HLB Baharu-kepada-Kad (“NTC”) (“Pemegang Kad NTC”) yang, semasa Tempoh Kempen, telah memohon Kad Layak seperti tersenarai dalam jadual yang dilampirkan di bawah dan Kad-kad Layak itu berjaya diluluskan sebelum 30 April 2020 (“Pemegang Kad Layak”).

Pilihan 1	Pilihan 2
<ul style="list-style-type: none">• Memohon mana-mana satu (1) Kad Layak dan menerima Pulangan Tunai 50% bagi perbelanjaan runcit hujung minggu dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pengaktifan kad.• Bagi melayakkan diri untuk menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak mestilah memohon Kad Layak melalui laman web HLB di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”) atau Perbankan dalam talian Connect (“Connect”) dengan mengisi borang permohonan kad kredit HLB dalam talian elektronik dan memuat naik segala dokumen sokongan yang dikehendaki kepada HLB. Bagi mengelakkan keraguan, permohonan kad kredit HLB dalam talian mestilah diakses melalui Laman Web HLB.• Untuk membolehkan Pemegang Kad NTC memohon Kad Layak melalui Connect, Pemegang Kad NTC mestilah seorang pengguna berdaftar Connect (“Pengguna Connect”).	<ul style="list-style-type: none">• Memohon mana-mana dua (2) Kad Layak, iaitu Kad Kredit Utama Hong Leong Visa dan/atau MasterCard ATAU• Memohon mana-mana satu (1) Kad Layak, iaitu Kad Kredit Utama Hong Leong Visa atau MasterCard + satu (1) Kad Kredit Tambahan Hong Leong Visa dan/atau MasterCard (bagi mengelakkan keraguan, Kad Kredit Utama dan juga Kad Tambahan itu mestilah jenis kad yang sama).• Bagi melayakkan diri untuk menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak mestilah memohon kedua-dua Kad Layak melalui Jualan Langsung HLB dan/atau Cawangan HLB dengan mengisi borang permohonan kad kredit HLB fizikal dan menyerahkan segala dokumen sokongan yang dikehendaki kepada Jualan Langsung HLB dan/atau Cawangan HLB.

Kad Layak	
Visa	MasterCard
Infinite 	Platinum Business
Infinite	The Store Gold/Platinum
Infinite Doctor's Edition	Pacific Gold/Platinum
AirAsia Gold/Platinum	Emirates Elite/World/Platinum
GSC Gold/Platinum	GSC Gold/Platinum
Sutera Platinum	Sutera Platinum
Gold	Gold
Essential	I'm
WISE Gold/Platinum	

Bagi mengelakkan keraguan, untuk "Pilihan 2", kedua-dua Kad Layak mestilah diluluskan untuk melayakkan Pemegang Kad NTC menyertai Kempen ini.

Perhatian: Pemegang Kad NTC merupakan pemegang kad baharu yang tidak memegang mana-mana Kad Kredit Utama atau Tambahan HLB sedia ada (termasuk MACH) sebelum Tempoh Kempen dan tertakluk kepada terma dan syarat seperti dinyatakan dalam Fasal 2 di bawah.

2. Golongan berikut ini tidak dianggap Pemegang Kad NTC dan **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
 - (a) Pemegang Kad utama atau tambahan sedia ada bagi sebarang Kad Kredit HLB;
 - (b) Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit HLB mereka tertunggak;
 - (c) Pemegang Kad yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kad Kredit HLB baharu (termasuk Kad Layak) sebagai pemegang kad kredit utama atau tambahan dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut; dan
 - (d) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank ("HLISB") atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad NTC hendaklah memberi maklumat yang terkini dan tepat (termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat surat-menjurat dan maklumat hubungan mereka) kepada HLB semasa memohon Kad Layak. Pemegang Kad NTC berkewajipan menghubungi HLB jika tidak menerima Kad Layak yang diluluskan dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh permohonan, jika gagal berbuat demikian maka Pemegang Kad NTC dianggap telah menerima Kad Layak dan HLB tidak bertanggungjawab sekiranya Pemegang Kad NTC tidak dapat menyertai Kempen ini atas apa jua sebab sekalipun.

KAEDAH KEMPEN

3. Pemegang Kad Layak mestilah mengaktifkan kad dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak dan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pengaktifan Kad Layak, Pemegang Kad Layak bagi Kempen ini akan berhak menerima pulangan tunai 50% bagi transaksi

Perbelanjaan Runcit (seperti ditakrif dalam Fasal 4 di bawah) yang dilakukan pada hujung minggu (“**Pulangan Tunai**”) dengan menggunakan Kad Layak semasa Tempoh Kempen, tertakluk kepada:

- i. Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi syarat seperti dinyatakan dalam Fasal 3 di atas, Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Layak Pemegang Kad Layak utama dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh pengaktifan Kad Layak. Pemegang Kad Layak akan diberitahu oleh HLB melalui penyiaran senarai nama dan nombor kad kredit terlindung Pemegang Kad Utama (“**Pemegang Kad Berkelayakan**”) di Laman Web HLB setiap bulan, bermula dari bulan Oktober 2019 (“**Pemberitahuan**”);

- ii. Pulangan Tunai dihadkan setakat RM50 bagi setiap Pemegang Kad Berkelayakan bagi setiap hujung minggu dan RM200 bagi setiap Pemegang Kad Berkelayakan setiap kempen. Jumlah Pulangan Tunai yang diperuntukkan bagi Kempen ini dihadkan setakat RM3,000,000 atas dasar siapa cepat dia dapat. Contoh pemberian Pulangan Tunai dipaparkan dalam jadual di bawah ini:

Contoh pemberian Pulangan Tunai			
Tarikh Pengaktifan	Perbelanjaan Runcit Hujung Minggu	Pulangan Tunai	Pemberitahuan dalam Laman Web HLB
15 Julai '19	a. 20 & 21 Julai '19: RM250 b. 27 & 28 Julai '19: RM100 c. 3 & 4 Ogos '19: RM200 d. 10 & 11 Ogos '19: RM300	a. RM50 b. RM50 c. RM50 d. RM50 Jumlah: RM200	Oktober 2019
1 Ogos '19	a. 3 & 4 Ogos '19: RM100 b. 10 & 11 Ogos '19: RM100 c. 17 & 18 Ogos '19: RM0 d. 24 & 25 Ogos '19: RM50	a. RM50 b. RM50 c. RM0 d. RM25 Jumlah: RM125	November 2019
7 Sept '19	a. 7 & 8 Sept '19: RM0 b. 14 & 15 Sept '19: RM500 c. 21 & 22 Sept '19: RM200 d. 28 & 29 Sept '19: RM100	a. RM0 b. RM50 c. RM50 d. RM50 Jumlah: RM150	Disember 2019
24 Oct '19	a. 26 & 27 Oct'19: RM0 b. 2 & 3 Nov'19: RM0 c. 9 & 10 Nov'19: RM0 d. 16 & 17 Nov'19: RM188	a. RM0 b. RM0 c. RM0 d. RM50 Total: RM50	January 2020
2 Nov '19	a. 2 & 3 Nov'19: RM8 b. 9 & 10 Nov'19: RM88 c. 16 & 17 Nov'19: RM188 d. 23 & 24 Nov'19: RM288 e. 30 Nov & 1 Dec'19: RM0	a. RM4 b. RM44 c. RM50 d. RM50 e. RM0 Total: RM148	February 2020
16 Dec '19	a. 21 & 22 Dec'19: RM100 b. 28 & 29 Dec'19: RM200	a. RM50 b. RM50	March 2020

	c. 4 & 5 Jan'20: RM300 d. 11 & 12 Jan'20: RM400 Total: RM200	c. RM50 d. RM50 Total: RM200	
1 Jan'20	a. 4 & 5 Jan'20: RM80 b. 11 & 12 Jan'20: RM200 c. 18 & 19 Jan'20: RM60 d. 25 & 26 Jan'20: RM100 Total: RM170	a. RM40 b. RM50 c. RM30 d. RM50 Total: RM170	April 2020
14 Feb'20	a. 15 & 16 Jan'20: RM180 b. 22 & 23 Jan'20: RM250 c. 29 Feb & 1 Mar'20: RM160 d. 7 & 8 Mar'20: RM1000 Total: RM200	a. RM50 b. RM50 c. RM50 d. RM50 Total: RM200	May 2020
31 Mar'20	a. 4 & 5 Apr'20: RM100 b. 11 & 12 Apr'20: RM50 c. 18 & 19 Apr'20: RM50 d. 25 & 26 Apr'20: RM200 Total: RM150	a. RM50 b. RM25 c. RM25 d. RM50 Total: RM150	June 2020

- iii. Pulangan tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Layak dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh pengaktifan Kad Layak, Pemegang akaun mestilah sah/aktif, berkedudukan baik dan mestilah tidak melanggar mana mana Terma & Syarat Kempen ini, dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit pada masa Pulangan Tunai itu diberikan
- iv. HLB tidak berkewajipan memberitahu Pemegang Kad Layak sekiranya Pulangan Tunai telah mencécah had maksimum peruntukan RM3,000,000 semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.

Bagi mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai hanya ditawarkan kepada Pemegang Kad Layak Utama manakala Pemegang Kad Tambahan tidak berhak mendapat Pulangan Tunai.

UMUM

4. "Perbelanjaan Runcit" bermaksud pembelian runcit dan pembelian dalam talian [termasuk arahan tetap dan Pelan Bayaran Ansuran (IPP)] yang dibuat dalam negara dan luar negara. Perbelanjaan Runcit tidak meliputi yang berikut ini:
 - (a) pengeluaran tunai melalui apa-apa cara (iaitu ATM, kaunter, kuasi tunai dan sebagainya);
 - (b) produk-produk portfolio seperti Pindahan Baki (BT), Call-For-Cash Plus (CFC Plus), Call-For-Cash (CFC) dan Pelan Bayaran Fleksi (FPP);
 - (c) transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
 - (d) apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.
5. "Hujung Minggu" bermaksud Hari Sabtu dan Hari Ahad.
6. Dengan menyertai Kempen ini , Pemegang Kad NTC:

- (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit HLB yang boleh disemak di Laman Web HLB;
- (b) bersetuju bahawa semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang dirakamkan oleh sistem HLB semasa Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
- (c) bersetuju bahawa keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad (termasuk tetapi tidak terhad kepada menentukan sama ada transaksi yang dilakukan oleh Pemegang Kad Berkelayakan itu adalah Transaksi Runcit). Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat tidak akan dilayani;
- (d) bersetuju bahawa sebarang pembalikan transaksi adalah dikecualikan;
- (e) bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barang;
- (f) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Kempen ini, memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat dan membuat susulan dengan HLB untuk mengetahui jika mereka telah disenaraikan sebagai layak menerima Pulangan Tunai;
- (g) memberi keizinan kepada HLB untuk mendedahkan nama, nombor kad kredit mereka (dalam bentuk terlindung) dan/atau amaun Pulangan Tunai dalam Laman Web HLB.

7. HLB berhak:

- (a) menolak atas budi bicara mutlaknya mana-mana permohonan Kad Layak yang dikemukakan tanpa memberikan apa-apa sebab;
- (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad NTC atas budi bicara mutlaknya daripada menyertai Kempen ini;
- (c) menolak kelayakan mana-mana Pemegang Kad NTC untuk menyertai Kempen atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLB menurut budi bicara mutlaknya. Terutamanya, HLB mempunyai hak mutlak untuk menolak kelayakan Pemegang Kad NTC yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit menurut takrifan Terma & Syarat ini, dengan cara atau ragam yang HLB anggap luar biasa, di luar aturan dan/atau membayangkan suatu percubaan untuk mendapat kelebihan yang tidak adil berbanding Pemegang Kad NTC lain yang mempunyai ragam perbelanjaan yang biasa/ teratur, dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad NTC;
- (d) melupuskan dan/atau menolak balik Pulangan Tunai apabila berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit atau penamatian Kad Layak dan/atau Kad HLB semasa Tempoh Kempen dan/atau pada masa Pulangan Tunai diberikan atau Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi;
- (e) meminda jumlah Pulangan Tunai atau menggantikan Pulangan Tunai di dalam ini dengan pemberian lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlaknya, dengan menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad NTC; dan
- (f) menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini, atas budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam laman web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad NTC tentang penambahan, pengguguran atau pemindaan Terma & Syarat tersebut atau penamatian Kempen ini.

8. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan permohonan Kad Layak dan/atau transaksi jualan oleh Visa international Incorporated, MasterCard Worldwide, pertubuhan Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad NTC tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
9. Pemegang akaun NTC mestilah sah/aktif, berkedudukan baik dan mestilah tidak melanggar mana-mana Terma & Syarat Kempen ini, dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit pada masa Pulangan Tunai itu diberikan. Bagi mengelakkan keraguan, untuk Pulangan Tunai Pilihan 2, Pulangan Tunai akan dikreditkan kepada akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak dengan transaksi paling akif sebagai akaun pemenuhan utama jika Pemegang Akaun Layak itu mempunyai lebih daripada satu (1) akaun Kad Layak.
10. Selain terma-terma yang ditetapkan di atas ini, Pemegang Kad NTC bersetuju bahawa Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit hendaklah dibaca bersama-sama terma dan syarat di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini dengan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit, maka terma tertentu di atas ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
11. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini dan/atau Peraduan ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web HLB hendaklah diutamakan.
12. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia
13. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.